LT. KDR. V. BALAKRISHNAN

lwn.

MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMED H.
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-22-93]
17 DISEMBER 1993

BIDANG KUASA: Bidang kuasa Mahkamah Tinggi - Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s. 3 - Takrif - Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Borneo - Wilayah bidang kuasa tempatan - Samada wujud bidang kuasa tempatan yang berasingan di Negeri-Negeri - Samada bidang kuasa tempatan Mahkamah Tinggi di Malaya meliputi seluruh Semenanjung Malaysia.

Pemohon dalam kes ini adalah seorang pegawai Tentera Laut DiRaja Malaysia yang berpengkalan di Lumut, Perak. Beliau telah dikenakan perintah tahanan oleh responden dan berikutan penahanan itu telah memohon kepada Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur untuk writ *Habeas Corpus* bagi pembebasannya dari tahanan tersebut. Responden telah mengemukakan bantahan permulaan terhadap permohonan pemohon dan membangkitkan persoalan bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur untuk mendengar permohonan tersebut. Responden seterusnya membangkitkan perkara "Court of convenience" dan berkata bahawa Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur harus enggan mendengar permohonan pemohon oleh kerana Mahkamah tersebut bukan merupakan "Court of convenience" untuk membicarakan kes yang dibawa oleh pemohon.

Persoalan yang timbul ialah:

1. Samada bidang kuasa tempatan Mahkamah Tinggi di Malaya hanya mempunyai satu wilayah bidang kuasa yang meliputi seluruh wilayah dan Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia atau samada wujud bidang kuasa yang berasingan di Negeri-Negeri tersebut yang meliputi hanya Negeri atau wilayah dimana Mahkamah Tinggi berkenaan bersidang atau terletak.
2. Samada fakta bahawa Mahkamah Tinggi yang berkaitan bukan merupakan "Court of convenience" boleh menjadi alasan bagi Mahkamah untuk enggan mendengar kes atau permohonan yang dibangkitkan dihadapannya.

Diputuskan:

[1] Bidangkuasa Mahkamah Tinggi di Malaya adalah meliputi seluruh Negeri-Negeri Tanah Melayu atau wilayah yang lazimnya di panggil Semenanjung Malaysia. Perkataan "local jurisdiction" dalam perenggan (a) s. 3, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tidak harus ditafsirkan sebagai mewujudkan bidang-bidang kuasa yang berasingan mengikut Negeri-Negeri yang disenaraikan dalam perenggan tersebut. Oleh itu Mahkamah Tinggi di Malaya yang bersidang di Kuala Lumpur, seperti juga yang bersidang di tempat-tempat lain, mempunyai bidang kuasa terhadap perkara-perkara yang berbangkit di mana-mana jua di Semenanjung Malaysia.

[2] Mahkamah tidak boleh enggan mendengar permohonan ini atas alasan semata-mata bahawa Mahkamah ini bukanlah "Court of convenience". Kalaupun benar akan lebih menyusahkan jika permohonan ini dibicarakan di Kuala Lumpur berbanding dengan di Ipoh, kesusahan itu tidaklah sebegitu membimbangkan memandangkan permohonan ini akan dibicarakan berasaskan affidavit-affidavit sahaja.

[Bantahan ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:

Sova Sdn. Bhd. lwn. Kasih Sayang Realty Sdn. Bhd. [1988] 2 MLJ 268 ***(diikuti)***

Tengku Abdul Muiz Shah & Ors. lwn. Public Prosecutor [1983] 1 MLJ 422 ***(tidak diikuti)***

Yeap Hock Seng @ Ah Seng lwn. Minister for Home Affairs, Malaysia & Ors. [1975] 2 MLJ 279 ***(dirujuk)***

Yit Hon Kit lwn. Minister of Home Affairs, Malaysia & Anor. [1988] 2 MLJ 638 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Angkatan Tentera 1972, s. 170
Akta Mahkamah Kehakiman 1964, s. 3

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh; T/n. Karpal Singh & Co.
Bagi pihak responden - Ng Aik Guan, PKP

PENGHAKIMAN

Abdul Aziz bin Mohamad H:

Berikut adalah penghakiman saya atas bantahan permulaan responden.

Tentang soal bidang kuasa tempatan (**local jurisdiction**) Mahkamah Tinggi, saya dengan hormatnya bersetuju dengan pendapat Lim Beng Choon, J. dalam kes *Sova Sdn. Bhd. lwn. Kasih Sayang Realty Sdn. Bhd.* [1988] 2 MLJ 268. Menurut Perkara 121 Perlembagaan, di Malaysia ada dua Mahkamah Tinggi sahaja. Yang satunya dipanggil Mahkamah Tinggi di Malaya dan yang satu lagi dipanggil Mahkamah Tinggi di Borneo. Mahkamah Tinggi di Malaya mempunyai pejabat pendaftaran utama di Kuala Lumpur. Mahkamah Tinggi di Malaya juga mempunyai cawangan-cawangan pejabat pendaftaran dan dewan-dewan Mahkamah di tempat-tempat lain supaya urusan dan persidangan Mahkamah Tinggi di Malaya boleh juga dijalankan di tempat-tempat itu oleh pegawai-pegawai dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang ditugaskan di tempat-tempat itu. Tetapi sama ada seseorang Hakim Mahkamah Tinggi itu bersidang di Kuala Lumpur atau di Ipoh, dia bersidang di situ sebagai Mahkamah Tinggi di Malaya juga.

Bagi maksud-maksud Akta Mahkamah Kehakiman 1964, yang menetapkan, antara lainnya, bidang kuasa dua Mahkamah Tinggi itu, '**local jurisdiction**' Mahkamah Tinggi di Malaya ialah, menurut takrifnya dalam seksyen 3, 'the territory comprised in the States of Malaya"; dan takrif itu seterusnya menamakan Negeri-Negeri Tanah Melayu itu satu persatu. Definisi itu merujuk kepada satu '**territory**', dan apa yang sebenarnya dimaksudkan ialah wilayah apa yang lazimnya dipanggil Semenanjung Malaysia. Maka bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Malaya adalah keseluruhan wilayah itu. Bidang kuasa tempatan ditetapkan bagi Mahkamah Tinggi di Malaya untuk membezakannya dengan bidang kuasa tempatan bagi Mahkamah Tinggi di Borneo, yang mana adalah keseluruhan wilayah apa yang pernah dipanggil Malaysia Timur.

Dengan hormatnya, pada pendapat saya perenggan (a) takrif '**local jurisdiction**' itu tidak seharusnya, lantaran ia menyebut satu persatu Negeri-Negeri yang dimaksudkan sebagai Negeri-Negeri Tanah Melayu, ditafsirkan, sebagaimana nampaknya telah dilakukan dalam kes *Tengku Abdul Muiz Shah & Ors. lwn. Public Prosecutor* [1983] l MLJ 422, sebagai mewujudkan bidang-bidang kuasa yang berasingan mengikut Negeri-Negeri bagi cawangan-cawangan Mahkamah Tinggi di Malaya di Negeri-Negeri itu. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Malaya, walau di tempat mana pun ia berfungsi, adalah keseluruhan wilayah yang tersebut tadi. Maka Mahkamah Tinggi di Malaya yang bersidang di Kuala Lumpur, sebagaimana juga yang bersidang di tempat-tempat lain, mempunyai bidang kuasa terhadap perkara-perkara yang berbangkit di mana-mana jua di wilayah itu. Saya memutuskan saya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan ini.

Dengan saya memutuskan demikian, hujah tentang **Court of convenience** yang dibangkitkan seterusnya oleh Encik Ng Aik Guan bagi pihak responden menjadi tidak bertempat. Tujuan bantahan permulaan tentang bidang kuasa itu ialah supaya saya akan enggan mendengar permohonan ini dan pemohon terpaksalah memfailkannya di Ipoh. Tetapi sambil memutuskan saya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan ini, saya tidak boleh, pada masa yang sama, enggan mendengarnya atas alasan bahawa mahkamah ini bukanlah **Court of convenience**. Soal tentang **Court of convenience**, pada pendapat saya, bukanlah soal tentang bidang kuasa. Ia adalah soal tentang keperluan memindahkan kes ke cawangan lain Mahkamah Tinggi di Malaya. Tetapi Encik Ng, dengan membangkitkan bantahan tentang bidang kuasa itu, tidaklah bertujuan untuk memohon supaya permohonan ini dipindahkan ke Ipoh. Walau bagaimanapun, oleh kerana permohonan ini akan dibicarakan berasaskan afidavit-afidavit, dan mereka yang perlu membuat afidavit-afidavit itu adalah pegawai-pegawai kerajaan, saya tidak nampak bahawa, kalaupun benar akan lebih menyusahkan jika permohonan ini dibicarakan di Kuala Lumpur berbanding dengan di Ipoh, kesusahan itu adalah sebegitu hingga membimbangkan.

Untuk bantahannya bahawa *habeas corpus* bukanlah remedi yang sesuai dalam kes ini, Encik Ng membangkitkan dua alasan. Satunya ialah bahawa s. 170 Akta Angkatan Tentera 1972 ada memperuntukkan remedi bagi pemohon. Satu lagi ialah bahawa alasan-alasan yang dibangkitkan dalam permohonan ini tidak merupakan alasan-alasan yang cukup untuk *habeas corpus.*

Tentang alasan mengenai s. 170 itu, saya berpendapat, berasaskan kes *Yeap Hock Seng @ Ah Seng lwn. Minister for Home Affairs, Malaysia & Ors.* [1975] 2 MLJ 279, bahawa alasan itu gagal.

Tentang alasan mengenai alasan-alasan dalam permohonan ini, salah satu alasan itu mendakwa bahawa pemohon tidak diberitahu alasan-alasan bagi penangkapannya. Jika itu benar, maka kegagalan itu adalah bertentangan dengan perkara 5(3) Perlembagaan dan, menurut kes *Yit Hon Kit lwn. Minister of Home Affairs, Malaysia & Anor.* [1988] 2 MLJ 638, boleh menjadi alasan bagi membuat perintah *habeas corpus.* Maka alasan kedua itu juga gagal.

Atas sebab-sebab yang dinyatakan tadi, saya menolak bantahan permulaan ini.

SUPREME FINANCE (M) BERHAD

lwn.

TAN CHONG KEAT & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, PULAU PINANG
DATO' ABDUL HAMID BIN HAJI MOHAMED H.
[SAMAN PEMULA NO. 24-812-85]
25 OKTOBER 1993

AMALAN DAN PROSEDUR: Perintah jualan - Permohonan untuk mengenepikan perintah - Permohonan dibuat enam tahun selepas tarikh perintah - Samada permohonan satu penyalahgunaan proses Mahkamah - Samada estoppel terpakai - Samada Mahkamah telah functus officio.

Melalui satu saman pemula plaintif telah memperolehi perintah jualan terhadap sekeping tanah yang digadaikan kepadanya oleh defendan. Perintah ini diperolehi pada tahun 1987. Bagaimana pun sehingga tahun 1993 tanah tersebut masih belum dapat dilelong dan dalam tempoh tersebut sebanyak empat saman untuk arahan telah difail oleh plaintif. Permohonan terakhir untuk mendapat tarikh lelong telah dibuat oleh plaintif pada 15 Februari 1993. Pada 21 Mei 1993 defendan kedua telah memfailkan permohonan untuk mengenepikan perintah jualan yang dibuat pada tahun 1987 dahulu.

Soalan yang timbul adalah samada permohonan defendan merupakan satu penyalahgunaan proses Mahkamah dan samada Mahkamah mempunyai kuasa untuk mengenepikan perintah jualan tersebut.

Diputuskan:

[1] Dalam kes ini pemohon tahu tentang prosiding berkenaan perintah jualan tersebut dan mempunyai peluang untuk membantah tetapi beliau bukan sahaja tidak berbuat apa-apa malah membiarkan plaintif memperolehi perintah itu. Hanya setelah enam tahun perintah jualan itu dibuat barulah keputusan diambil untuk memohon mengenepikannya. Ini adalah satu penyalahgunaan proses Mahkamah dan pemohon harus ditahan daripada mengambil tindakan ini.

[2] Walaupun bukan dalam semua keadaan apabila berlaku kelewatan Mahkamah terus menolak sesuatu permohonan atas alasan itu sahaja, Mahkamah juga perlu bersikap tegas